



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA PELANCARAN SISTEM E-MYIND SEMPENA TWG #MYINDEXBELIA 4.0

Tarikh : 4 April 2019 (Khamis)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Hotel Everly, Putrajaya

1. **Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)**, agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah membangunkan **Sistem e-MYInd**, atau dikenali sebagai **Electronic Malaysian Youth Index**, adalah platform yang diwujudkan bagi merekod dan mengemaskini maklumat program/inisiatif pembangunan belia di peringkat kementerian/agensi/NGO. Sistem ini turut menjadi satu pangkalan data berpusat bagi memantau program pembangunan belia di Malaysia.
2. Pelancaran ini disempurnakan oleh **YBr. Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah** Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan dengan kehadiran **YBr. Dr. Zainah Shariff**, Ketua Pegawai Eksekutif IYRES serta para tetamu dan *focal point* pada bengkel berkenaan..
3. Para pemegang taruh dan *focal point* dapat mengenal pasti *focus area* pembangunan belia yang dilaksanakan secara merentas pelaksana serta input kepada pembentukan dan penambahbaikan kepada polisi, dasar, dan perancangan program pembangunan belia dan sukan. Selain itu, jumlah program pembangunan belia dan sukan di peringkat kementerian/agensi/NGO yang menyumbang kepada 12 domain dalam mengukur kualiti dan kesejahteraan hidup belia serta keterlibatan rakyat Malaysia dalam mengamalkan budaya sukan.
4. Bagi persediaan TWG ini, Bengkel Pra-TWG telah dilaksanakan pada 27 dan 28 Mac 2019 bagi memberi pendedahan awal kepada *focal point* tetap TWG sebelum TWG pada 4 April 2019. **TWG 4.0** pada kali ini membincangkan mekanisme penilaian prestasi dan pencapaian Dasar Belia Malaysia (DBM) serta turut mengemaskini

maklumat program dan aktiviti dalam Sistem e-MYInd juga perancangan pada tahun 2019 oleh semua pemegang taruh yang terlibat. Input-input yang diperolehi ini akan dapat membantu perbincangan halatuju pembangunan belia dan sukan bagi **pembangunan strategik pemerksaan anak muda, kualiti dan kesejahteraan hidup belia, penciptaan pekerjaan dan memperkasakan tadbir urus tahun 2020 hingga 2025.**

5. IYRES berharap agar sesi TWG bersama dengan Sistem e-MYInd ini akan memudahkan *focal point* merangka, merancang dan melaksana program pembangunan belia dan sukan. Semoga kaedah ini dapat membantu pemerksaan kedua-dua Indeks Belia Malaysia dan Indeks Budaya Sukan Malaysia sekaligus memperbaiki kualiti hidup belia, juga keterlibatan rakyat Malaysia dalam membudayakan sukan.

Sekian, terima kasih.

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Antara kajian utama IYRES termasuklah Indeks Belia Malaysia yang mengukur kesejahteraan belia Malaysia serta menjadi mekanisme penilaian kepada Dasar Belia Malaysia serta Indeks Budaya Sukan Malaysia sebagai *tool* bagi mengukur tahap dan *trend* budaya sukan rakyat Malaysia.

Unit Perhubungan Awam

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Shariffah Mamat (+6012-293 0029)

shariffah@iyres.gov.my

Muhammad Hadi Muhammad Nafis (+6013-292 1603)

hadi@iyres.gov.my